# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

25 OGOS 2016

KHAMIS

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| UTUSAN MALAYSIA | SEHATI SEJIWA SEMARAK MERDEKA 2016 | 2 |
| HARIAN METRO | POLIS RAKAM KETERANGAN SAKSI KES CULIK KANAK-KANAK | 3 |
| HARIAN METRO | SEBULAN PACU PATRIOTIK | 4 |
| HARIAN METRO | PEMINAT TEGAR JOHOR DT | 5 |
| KOSMO | LAPORAN KES CULIK TIGA KANAK-KANAK PEREMPUAN DISIASAT | 6 |
| SINAR HARIAN | SUNTK SEMANGAT PATRIOTIK | 7 |



# UTUSAN MALAYSIA



**SEHATI SEJIWA**
**SEMARAK MERDEKA 2016**

MALAYSIA
#sehatisejiwa

UM 25/8/16

## SEMANGAT MERDEKA

**M. KANDAPAN memakai baju bercorak Jalur Gemilang bergambar di hadapan rumahnya yang dihiasi dengan 3,000 Jalur Gemilang termasuk bendera negeri-negeri bagi menyambut Hari Kebangsaan Ke-59 di Bandar Seri Alam, Masai, Johor, semalam. – UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI**



# HARIAN METRO

HM 25/8/16



*JOKHIRI (empat dari kiri) beramah mesra dengan hadirin pada majlis mengenali Ketua Polis Daerah Seri Alam dan taklimat keselamatan Bandar Seri Alam di Galleria Seri Alam.*

## Polis rakam keterangan saksi kes culik kanak-kanak

**Pasir Gudang:** Polis sudah merakam keterangan beberapa saksi bagi membantu siasatan berhubung kejadian cubaan culik seorang kanak-kanak berusia sembilan tahun dalam kejadian di Kampung Sungai Rinting C, Masai, malam Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Jokhiri Abd Aziz berkata turut diambil keterangan adalah ibu kepada kanak-kanak terbabit serta individu di lokasi berdekatan surau yang mendakwa melihat kejadian itu serta nampak beberapa individu menaiki van putih.

"Sehingga kini, polis masih dalam siasatan dan kita masih tidak memperoleh maklumat yang jelas dan tepat, tetapi sudah merekodkan kenyataan daripada semua saksi.

"Semua rakan kanak-kanak itu termasuk ibunya sudah diambil keterangan bagi melengkapkan siasatan berhubung kejadian terbabit," katanya ketika diminta mengulas mengenai kejadian cubaan penculikan yang dilaporkan Harian Metro, semalam.



HARIAN METRO




MURID SK Taman Rinting 2 menunjukkan 59 Jalur Gemilang di atas kain rentang sepanjang 60 meter.

# Sebulan pacu patriotik

■ *Guru, murid lukis 59 Jalur Gemilang di atas kain rentang 60 meter*

**Norazimah Narudin**
am@hmetro.com.my

HM 25/8/16

**Johor Bahru**

Sepanjang bulan kemerdekaan ini, rata-rata sekolah menengah mahupun rendah di seluruh negara rancak menjalankan program kemerdekaan di sekolah masing-masing bagi menghayati bulan kemerdekaan sekali gus menaikkan semangat patriotik dalam kalangan murid dan pelajar.

Tidak ketinggalan, Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Rinting 2 di sini, apabila guru sekolah terbabit sanggup menghabiskan hampir RM500 membeli cat dan kain serta mengajak murid melukis Jalur Gemilang di atas kain rentang.

Seramai 54 guru dan 574 murid sekolah berkenaan terbabit dalam projek yang mengambil masa hampir sebulan untuk disiapkan itu.

Penyelaras Projek 59 Jalur Gemilang 2016, Ilham Ismail berkata, program melukis 59 Jalur Gemilang di atas kain rentang sepanjang 60 meter itu adalah antara aktiviti pengisian program sepanjang bulan kemerdekaan yang dilihat mampu meningkatkan semangat patriotik.

"Sepanjang bulan kemerdekaan ini, kami memang ada membuat pelbagai program termasuk projek melukis Jalur Gemilang ini. Kami melukis 59 bendera di atas kain putih sepanjang 60 meter ini bagi melambangkan 59 tahun Malaysia sudah merdeka.

> **"Kami mengambil masa hampir sebulan untuk menyiapkan bendera ini kerana tidak mahu mengganggu waktu persekolahan"**
>
> *Ilham Ismail*

"Kami mengambil masa hampir sebulan untuk menyiapkan bendera ini kerana tidak mahu mengganggu waktu persekolahan dan mereka hanya akan melukis pada waktu subjek seperti Sejarah, Pendidikan Seni atau pada waktu rehat," katanya ketika ditemui selepas projek 59 Jalur Gemilang itu selesai secara rasminya di SK Taman Rinting 2 di sini, semalam.

Ilham yang juga Ketua Panitia Sejarah berkata, bagi menghasilkan 59 bendera itu, pada setiap hari persekolahan, murid dengan bantuan guru perlu melukis lima hingga sembilan bendera di atas kain rentang yang mengambil masa 30 minit untuk disiapkan.

Katanya, selain projek itu, pelbagai lagi aktiviti dijalankan sepanjang bulan ini termasuk pertandingan menghias kelas bertemakan kemerdekaan dan pertandingan pakaian beragam.

Sementara itu, seorang murid, Muhammad Aidil Aiman Muhammad Azraa, 12, berkata, projek yang dijalankan sekolah itu adalah pengalaman yang berharga kepada dirinya dan rakan lain apabila berjaya menghasilkan bendera hasil lukisan tangan sendiri.



# HARIAN METRO





*>>Muhammad Hazreel dinasihatkan menjauhi kawasan sesak*

HARIAN METRO

## Peminat tegar Johor DT

■ ***Budak hidap kulit gelembung air mahu bertemu TMJ***

Mary Victoria Dass
maryvictoria@hmetro.com.my

**Pasir Gudang**

"Dia memang penyokong kelab Johor Darul Ta'zim (Johor DT) dan ingin pergi ke stadium ketika perlawanan, tetapi saya tidak dapat memenuhi permintaannya atas faktor kesihatannya," kata Noor Halimaton Hashim, 35, ibu kepada pesakit Epidermolysis Bullosa (EB), Muhammad Hazreel Mikhail Hizar, 5.

Noor Halimaton berkata, biarpun usia anak bongsu daripada tiga beradik itu baru mencecah lima tahun, kanak-kanak terbabit tidak ketinggalan mengikuti setiap siaran televisyen perlawanan bola sepak yang membabitkan Johor DT.

Menurutnya, Muhammad Hazreel pernah meminta dibawa ke stadium bagi menyaksikan perlawanan bola sepak secara langsung.

Wanita itu berkata, bagi tidak menghampakan permintaan anak kesayangannya itu, keluarganya selalu membawa kanak-kanak terbabit menonton perlawanan bola sepak di skrin LCD gergasi yang dipasang di beberapa restoran berhampiran rumahnya.

"Dia selalu meminta saya untuk memakaikannya jersi berlogo Johor DT dan setiap kali pergi membeli-belah, jersi berkenaan menjadi pilihannya.

"Selain memiliki koleksi jersi, dia juga memiliki beberapa topi jenama Johor DT," katanya yang tinggal di Blok B, Jalan Tasek 64, Bandar Seri Alam di sini.

Noor Halimaton berkata, dia tidak mampu membawa anaknya itu ke stadium kerana keadaan orang ramai yang berasak-asak di stadium, sedangkan Muhammad Hazreel dinasihatkan supaya menjauhi kawasan sesak.

Ditanya mengenai penyakit dihadapi Muhammad Hazreel, Noor Halimaton berkata, sejak dilahirkan, setiap hari, ada sahaja luka baru di tubuh anaknya dan dia terpaksa memecahkan gelembung berair yang ada pada tubuh kanak-kanak itu dengan gunting bagi mengelak lukanya membesar.

Katanya, dia terpaksa menahan air mata setiap kali berbuat demikian apabila melihat Muhammad Hazreel menangis akibat kesakitan darah mengalir daripada gelembung berkenaan..

**FAKTA**
*Gelembung air boleh membesar sehingga 20 sentimeter*

"Bagaimanapun, saya tiada pilihan lain kerana sekiranya tidak memecahkan gelembung berkenaan, ia membesar hingga 20 sentimeter.

"Penderitaan Muhammad Hazreel yang menghidap EB atau kulit gelembung air dan mudah melecur ini dipercayai akibat penyakit keturunan.

"Pergerakan Muhammad Hazreel terbatas, malah tutur katanya juga tidak lancar seperti kanak-kanak sebaya dan hanya mampu berjalan dengan bantuan dan meraung setiap kali dimandikan memandangkan luka pada badannya pedih," katanya.

Noor Halimaton berkata, bagaimanapun, kesakitan anaknya umpama hilang sekiranya menyaksikan perlawanan bola sepak membabitkan Johor DT.

"Dia amat menggemari Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim dan setiap kali melihat wajah TMJ di mana-mana, dia menjerit riang.

"Dia juga mempunyai hasrat menemui TMJ namun kami tidak tahu bagaimana untuk mempertemukan mereka.

"Sekiranya dia berpeluang, ia mungkin menjadi memori paling manis bagi anak syurga kami ini sepanjang hayatnya," katanya.

Difahamkan, lapan bahagian tubuh Muhammad Hazreel memiliki luka besar, namun kanak-kanak itu juga memiliki luka kecil hampir di seluruh badannya.

Sejenis kuman yang aktif juga memakan sel di tubuh Muhammad Hazreel hingga mengakibatkan kecacatan pada jari tangan dan kaki.

Orang ramai boleh menyalurkan sumbangan kepada keluarga berkenaan di akaun Public Bank milik Noor Halimaton 4525811409.



GAMBAR Muhammad Hazreel yang viral di FB.



# KOSMO

Kosmo 25/8/16

## Laporan kes culik tiga kanak-kanak perempuan disiasat

**PASIR GUDANG** – Polis sedang melengkapkan siasatan berhubung laporan tiga kanak-kanak perempuan berusia sembilan tahun yang didakwa hampir diculik di Kampung Sungai Rinting lewat petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Jokhiri Abd. Aziz berkata, sehingga semalam semua saksi telah dipanggil untuk dirakam percakapan bagi membantu siasatan.

"Buat masa sekarang kita sedang berusaha melengkapkan siasatan dengan mengambil keterangan pengadu yang merupakan ibu kepada dua mangsa dan anak saudaranya.

"Selain itu, polis juga mengambil keterangan saksi kejadian selain meneliti rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) di kawasan berkenaan," katanya selepas menghadiri Majlis Mengenali Ketua Polis Daerah Kita dan Taklimat Keselamatan Bandar Seri Alam anjuran Seri Alam Properties Sdn Bhd, di Bandar Seri Alam, dekat Masai, di sini semalam.

Terdahulu, seorang wanita berusia 28 tahun tampil membuat laporan polis berikutan dua anak perempuan serta anak saudaranya nyaris diculik tiga lelaki yang menaiki sebuah van putih.

Dalam kejadian pada pukul 7.30 malam itu, kesemua mangsa dalam perjalanan pulang ke rumah dari surau terletak di Jalan Gelam 5, Kampung Sungai Rinting C Masai, di sini sebelum dihampiri sebuah van putih yang dinaiki tiga lelaki dewasa.

Bagaimanapun, kesemua penculik melarikan diri apabila penduduk kampung menyedari kejadian itu.



# SINAR HARIAN



## Suntik semangat patriotik

Kempen barakan semangat cintakan negara kini di bumi Johor

Pengurus Kanan Econsave, Mas Imran Adam menandatangani poster Malaysia di Hatiku sambil diperhatikan Syahrin.

Majlis Belia Malaysia Negeri Johor turut menyertai rombongan jelajah Malaysia di Hatiku.

**PASIR GUDANG** – Kempen Malaysia di Hatiku meneruskan penjelajahan ke beberapa daerah di bumi Johor dalam menyuntik semangat patriotik dan cintakan negara.

Antara lokasi persinggahan kempen yang turut menawarkan hadiah wang tunai melebihi RM10,000 bagi peserta Pertandingan Foto Kreatif bertema #SaluteMalaysiaDiHatiku dan Pertandingan Mengarang Esei Kemerdekaan 1Malaysia anjuran Kelab Generasi Ilmu 1Malaysia (KGI1M) di Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG).

Program mendapat kerjasama akhbar *Sinar Harian*, portal pendidikan GPS Bestari, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan turut memberi penghormatan Jalur Gemilang di Pasaraya Econsave Taman Daya dan Plaza Angsana.

Pemangku COO Uda Angsana Sdn Bhd, Imran Salleh (dua,kiri) bersama Syahrin (dua, kanan) ketika menjayakan kempen.

Selfie beramai-ramai sambil tabik hormat pada Jalur Gemilang.

Yang Dipertua MPPG, Hasrin Kamal Hashim menurunkan tandatangan sempena kempen Malaysia di Hatiku di lobi Menara Aqabah.

Kempen Malaysia di Hatiku gegar Plaza Angsana, Johor Bahru.

Presiden Kelab Generasi Ilmu 1Malaysia, Syahrin Md Jamaluddin bergambar bersama kakitangan Pasaraya Econsave Taman Daya.

